

NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 17


25hb Ogos 2011

*TAMBAHAN No. 3
ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Selangor dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara LXXVIII Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor:

The following Enactments, passed by the Selangor Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Selangor, are published pursuant to Clause (4) of Article LXXVIII of the Second Part of the Laws of the Constitution of Selangor:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen A24	Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) 2011
Enactment A24	Supplementary Supply (No. 2) Enactment 2011
Enakmen A25	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2011
Enactment A25	Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2011



UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A24

**ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN
(NO. 2) 2011**

Tarikh Perkenan Diraja ... 12 Ogos 2011

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 25 Ogos 2011

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A24

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 2) 2011

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

12 Ogos 2011

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

[]

BAHAWASANYA wang sejumlah satu ribu tiga ratus lapan puluh juta, empat puluh enam ribu dan empat puluh dua ringgit (RM1,380,046,042.00) telah diperuntukkan oleh Enakmen Perbekalan (2011) 2010 bagi perkhidmatan tahun 2011:

DAN BAHAWASANYA sekarang perlulah dibuat satu lagi peruntukan wang sejumlah satu ratus empat belas juta, dua ratus dua puluh enam ribu, sembilan ratus enam puluh lima ringgit dan dua belas sen (RM114,226,965.12) bagi menampung perbelanjaan tambahan perkhidmatan tahun 2011.

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) 2011.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2011

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak lebih daripada satu ratus empat belas juta, dua ratus dua puluh enam ribu, sembilan ratus enam puluh lima ringgit dan dua belas sen (RM114,226,965.12) dari Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi menampung perbelanjaan tambahan perkhidmatan tahun 2011 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Enakmen Perbekalan (2011) 2010 [Enakmen A18].

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 03	Dewan Negeri	1,268,205.12
B. 06	Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri	20,028,000.00
B. 12	Jabatan Kerja Raya	10,000,000.00
B. 13	Jabatan Pengairan dan Saliran	1,800,000.00
B. 29	Perbendaharaan (Perbelanjaan Am)	81,130,760.00
Jumlah		114,226,965.12

Diluluskan pada 12 Julai 2011
[P.U. Sel. Am 0100/2 Jld. 3]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
*Setiausaha,
Dewan Negeri,
Selangor*



UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A25

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2011**

Tarikh Perkenan Diraja ... 12 Ogos 2011

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 25 Ogos 2011

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A25

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2011

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

12 Ogos 2011

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2011.

Pindaan seksyen 2

2. Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1 tahun 2003*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dalam subseksyen (1)—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, tafsiran bagi “orang Islam”, dengan memasukkan selepas perenggan (*f*) proviso kepada tafsiran itu, seperti yang berikut:

“dan termasuklah Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Enakmen ini”;

- (b) dengan memasukkan selepas tafsiran “Setiausaha” tafsiran yang berikut:

“Surau” ertinya suatu bangunan—

- (a) yang digunakan bagi sembahyang kecuali sembahyang Jumaat dan kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; atau
- (b) yang penggunaannya sebagai yang sedemikian telah dibenarkan oleh Majlis;’; dan
- (c) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan tafsiran “*Hukum Syarak*” dengan tafsiran yang berikut:

“*Hukum Syarak*” means *Hukum Syarak* according to Mazhab Shafie or any one of *Mazhab Hanafi, Maliki* or *Hanbali*;’.

Pindaan seksyen 11

3. Seksyen 11 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perenggan (d), perenggan yang berikut:

“(d) tidak kurang daripada lapan orang anggota lain, sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah arif dalam agama Islam”.

Pindaan seksyen 16

4. Seksyen 16 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis, hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Setiausaha.”

Pindaan seksyen 22

- 5.** Seksyen 22 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (3)—
- (a) dengan memotong perkataan “kata demi kata penuh”; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas perkataan “ketetapan” perkataan “dan dasar”.

Pindaan seksyen 23

- 6.** Seksyen 23 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (2), dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “masa” perkataan “menghendaki mana-mana anggota untuk menamatkan ucapan mereka di dalam mesyuarat”.

Pindaan seksyen 61

- 7.** Seksyen 61 Enakmen ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (3)(a)—
 - (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “rukun-rukun” perkataan “ajaran-ajaran”;
 - (ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “prescribes offences” perkataan “against the precepts of the religions of Islam and may impose any punishment provided for the offence”; dan
 - (b) dalam subperenggan (3)(b)(xii) dengan memasukkan selepas perkataan “masjid-masjid” perkataan “dan surau”.

Pindaan seksyen 80

- 8.** Seksyen 80 Enakmen ibu dipinda—
- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “orang” perkataan “Islam”;

(b) dalam subseksyen (3)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau” selepas koma bernoktah;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan tanda bacaan koma dengan koma bernoktah; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b), perenggan yang berikut:
 - “(c) mana-mana Pegawai Syariah dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; atau
 - (d) mana-mana Pegawai Majlis yang ditentukan oleh Majlis,”;
- (c) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “hendaklah” perkataan “bolehlah”.

Pindaan seksyen 82

9. Seksyen 82 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “belanjawan” dengan perkataan “perbelanjaan”; dan
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “31 haribulan Oktober” dengan perkataan “30 haribulan November”.

Pindaan seksyen 84

10. Seksyen 84 Enakmen ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan subseksyen (4), subseksyen yang berikut:

“(4) Cheques drawn on any bank account of the Majlis shall be drawn in the manner as provided in the Financial Procedure of Majlis”.

Pindaan seksyen 85

11. Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 85.

Pindaan seksyen 86

12. Seksyen 86 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “memungut” perkataan “dan mengagih”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “berkuasa memungut” perkataan “dan mengagih.”

Pindaan seksyen 96

13. Seksyen 96 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “dan surau”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “semua masjid” perkataan “dan surau”; dan
- (c) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan memasukkan selepas setiap perkataan “masjid” perkataan “dan surau”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “selain” perkataan “termasuk”.

Pindaan seksyen 98

14. Seksyen 98 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “bagi masjid” perkataan “dan surau”;
- (b) dalam perenggan (1)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “sebagai masjid” perkataan “atau surau”; dan

- (c) dalam perenggan (1)(b), dengan memasukkan selepas perkataan “sebagai masjid” perkataan “atau surau”.

Pindaan seksyen 100

15. Seksyen 100 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “perkhidmatan bersama” perkataan “atau mana-mana orang lain”; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “hendaklah” dengan perkataan “bolehlah”.

Pindaan seksyen 102

16. Seksyen 102 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (2)—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “enam puluh tahun” perkataan “enam puluh lima tahun”;
 - (ii) dalam proviso kepada subseksyen itu, dengan menggantikan perkataan “60” perkataan “enam puluh lima tahun”; dan
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “sixty years” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “sixty five years”.

Pindaan seksyen 103

17. Seksyen 103 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “Pegawai Masjid” perkataan “dan Jawatankuasa Kariah”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “Pegawai Masjid” perkataan “dan Jawatankuasa Kariah”.

Pindaan seksyen 104

18. Seksyen 104 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “anak kariah” perkataan “ahli kariah”;
 - (ii) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “dan” selepas koma bernoktah;
 - (iii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan tanda noktah dengan perkataan “; dan”;
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (c), perenggan yang berikut:
 - “(d) mengawasi pengurusan tiap-tiap surau dalam kariah itu.”; dan
- (d) dalam subseksyen (3), dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “MAIS” perkataan “Majlis”.

Pindaan seksyen 110

19. Seksyen 110 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pendaftar Muallaf” perkataan “Ketua Pendaftar Muallaf dan Pendaftar Muallaf”.

Pindaan seksyen 116

20. Seksyen 116 Enakmen ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “kaedah-kaedah” perkataan “peraturan-peraturan”.

Pindaan seksyen 118


21. Seksyen 118 Enakmen ibu dipinda dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “Setiausaha Majlis” perkataan “Mufti”.

Pindaan seksyen 124

22. Seksyen 124 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (1), dalam teks bahasa Inggeris dengan memasukkan selepas perkataan “orders” perkataan “notifications.”.

Diluluskan pada 12 Julai 2011
[P.U. Sel. AGM. 0006/1 Jld. 3]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
*Setiausaha,
Dewan Negeri,
Selangor*



LAWS OF THE STATE OF SELANGOR

Enactment A24

**SUPPLEMENTARY SUPPLY (NO. 2)
ENACTMENT 2001**

Date of Royal Assent ... 12 August 2011

Date of publication in the
Gazette ... 25 August 2011

LAWS OF THE STATE OF SELANGOR**Enactment A24****SUPPLEMENTARY SUPPLY (NO. 2) ENACTMENT 2011**

I ASSENT,

(STATE
SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

12 August 2011

An Enactment to apply a sum from the Consolidated Fund of the State for additional expenditure for the service of the year 2011 and to appropriate that sum for a certain purpose of that year.

[]

WHEREAS the sum of one thousand three hundred eighty million, forty six thousand, forty two ringgit (RM1,380,046,042.00) has been provided by the Supply (2011) Enactment 2010 for the service of the year 2011:

AND WHEREAS it is now requisite that a further provision of a sum one hundred fourteen million, two hundred twenty six thousand, nine hundred sixty five ringgit and twelve cent (RM114,226,965.12) be made for additional expenditure for the service of the year 2011.

ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Supplementary Supply (No. 2) Enactment 2011.

Further expenditure for the year 2011

2. The issue is hereby authorized of a sum not exceeding one hundred fourteen million, two hundred twenty six thousand, nine hundred sixty five ringgit and twelve cent (RM114,226,965.12) from the Consolidated Fund of the State for additional expenditure on the services and purposes specified in the Schedule for the year 2011, not provided for or not fully provided for by the Supply (2011) Enactment 2010 [*Enactment A18*].

SCHEDULE

<i>Purpose</i>	<i>Title</i>	<i>Amount (RM)</i>
B. 03	Legislative Assembly	1,268,205.12
B. 06	Contribution to State Development Fund	20,028,000.00
B. 12	Public Works Department	10,000,000.00
B. 13	Drainage and Irrigation Department	1,800,000.00
B. 29	Treasury (General Expenses)	81,130,760.00
	Total	114,226,965.12

Passed this 12 July 2011
[P.U. Sel. Am 0100/2 Jld. 3]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Clerk of the Legislative Assembly
Selangor





LAWS OF THE STATE OF SELANGOR

Enactment A25

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF
ISLAM (STATE OF SELANGOR) (AMENDMENT)
ENACTMENT 2011**

Date of Royal Assent ... 12 August 2011

Date of publication in the
Gazette ... 25 August 2011

LAWS OF THE STATE OF SELANGOR**Enactment A25****ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) (AMENDMENT) ENACTMENT
2011**

I ASSENT,

(STATE
SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

12 August 2011

An Enactment to amend the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2011.

Amendment of section 2

2. Section 2 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 1 of 2003*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment is amended in subsection (1)—

- (a) in the national language text, interpretation of “Muslim”, by inserting after paragraph (f), proviso to the interpretation, as follows:

“and includes Majlis Agama Islam Selangor which is established under section 4 of this Enactment”;

- (b) by inserting after the interpretation “Secretary” the following interpretation:

‘ “Surau” means a building—

- (a) used for prayers except for Friday prayers and activities which are enjoined, required, recommended, or approved by religion of Islam; or

- (b) the use of which as such is permitted by the Majlis.’; and

- (c) in the English language text, by substituting the interpretation for “*Hukum Syarak*” the following interpretation:

“*Hukum Syarak*” means *Hukum Syarak* according to Mazhab Shafie or any one of *Mazhab Hanafi, Maliki or Hanbali*;’.

Amendment of section 11

3. Section 11 of the principal Enactment is amended in subsection (1), by substituting paragraph (d), the following paragraph:

- “(d) not less than eight other members, at least five of them shall be persons learned in the religion of Islam”.

Amendment of section 16

4. Section 16 of the principal Enactment is amended by substituting for subsection (1) the following subsection:

“(1) His Royal Highness the Sultan on the advice of Majlis, shall appoint any fit and suitable person to be the Secretary.”

Amendment of section 22

5. Section 22 of the principal Enactment is amended in subsection (3)—

- (a) by deleting the words “a full verbatim”; and
- (b) by inserting after the word “resolution” the words “and policy”;

Amendment of section 23

6. Section 23 of the principal Enactment is amended in subsection (2), in the national language text, by inserting after the words “masa” the words “menghendaki mana-mana anggota untuk menamatkan ucapan mereka di dalam mesyuarat”.

Amendment of section 61

7. Section 61 of the principal Enactment is amended—

- (a) in paragraph (3)(a)—
 - (i) the national language text, by substituting for the word “rukun-rukun” the word “ajaran-ajaran”;
 - (ii) in the English language text, by inserting after the words “prescribes offences” the words “against the precepts of the religions of Islam and may impose any punishment provided for the offence”; and

- (b) in subparagraph (3)(b)(xii), by inserting after the word “mosques” the word “and surau”.

Amendment of section 80

8. Section 80 of the principal Enactment is amended—

- (a) in subsection (1), by inserting after the words “any” the words “Muslim”;
- (b) in subsection (3)—
- (i) in paragraph (a), by deleting for the word “or” after semicolon;
 - (ii) in paragraph (b), by substituting punctuation mark comma with semicolon; and
 - (iii) by inserting after paragraph (b), the following paragraph:
 - “(c) any Syariah officer from the General Public Services of the Federation; or
 - “(d) any Majlis officer as determined by Majlis,”;
- (c) in subsection (4), by substituting for the word “shall” the word “may”.

Amendment of section 82

9. Section 82 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, in the national language text, by substituting for the word “belanjawan” with the word “perbelanjaan”; and
- (b) in subsection (1), by substituting for the words “31st day of October” the words “30th day of November”.

Amendment of section 84

10. Section 84 of the principal Enactment is amended in the English language text, by substituting for subsection (4), the following subsection:

“(4) Cheques drawn on any bank account of the Majlis shall be drawn in the manner as provided in the Financial Procedure of Majlis”.

Amendment of section 85

11. The principal Enactment is amended by deleting section 85.

Amendment of section 86

12. Section 86 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by inserting after the word “collect” the words “and distribute”; and
- (b) by inserting after the words “empowered to collect” the words “and distribute”.

Amendment of section 96

13. Section 96 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by inserting after the words “of mosques” the words “and surau”;
- (b) in subsection (1) by inserting after the words “all mosques” the words “and surau”; and
- (c) in subsection (2)—
 - (i) by inserting after every word of “mosque” the words “and surau”; and
 - (ii) by substituting for the word “other than” the word “including”.

Amendment of section 98

14. Section 98 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by inserting after the words “as a mosque” the words “and surau”;
- (b) in paragraph (1)(a), by inserting after the words “as a mosque” the words “or surau”; and
- (c) in paragraph (1)(b), by inserting after the words “as a mosque” the words “or surau”.

Amendment of section 100

15. Section 100 of the principal Enactment is amended—

- (a) in subsection (2), by inserting after the word “joint service” the word “or any other person”; and
- (b) in subsection (4), by substituting for the word “shall” the word “may”.

Amendment of section 102

16. Section 102 of the principal Enactment is amended in subsection (2)—

- (a) in the national language text—
 - (i) by substituting for the words “sixty years” the words “sixty five years”;
 - (ii) in the proviso to the subsection, by substituting for the words “60” the words “enam puluh lima tahun”; and
- (b) in the English language text, by substituting the words “sixty years” wherever they appear with the words “sixty five years”.

Amendment of section 103

- 17.** Section 103 of the principal Enactment is amended—
- (a) in the shoulder note, by inserting after the words “*Pegawai Masjid*” the words “and *Jawatankuasa Kariah*”; and
 - (b) by inserting after the words “*Pegawai Masjid*” the words “and *Jawatankuasa Kariah*”.

Amendment of section 104

- 18.** Section 104 of the principal Enactment is amended—
- (a) in subsection (2)—
 - (i) in paragraph (b), by substituting for the words “*anak kariah*” the words “*ahli kariah*”;
 - (ii) in paragraph (b), by deleting for the word “and” after semicolon;
 - (iii) in paragraph (c), by substituting full stop with the words “;and”;
 - (c) by inserting after paragraph (c), the following paragraph:
 - “(d) to control the management of every *surau* in the *kariah*.”; and
 - (d) in subsection (3), in the national language text, by substituting for the word “MAIS” the word “Majlis”.

Amendment of section 110

- 19.** Section 110 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “a Registrar of *Muallaf*” the words “Chief Registrar *Muallaf* and Registrars *Muallaf*”.

Amendment of section 116

20. Section 116 of the principal Enactment is amended in the national language text, by substituting for the word “kaedah-kaerah” the word “peraturan-peraturan”.

Amendment of section 118

21. Section 118 of the principal Enactment is amended in paragraph (1)(a), by substituting for the words “Secretary of the Majlis” the word “Mufti”.

Amendment of section 124

22. Section 124 of the principal Enactment is amended in subsection (1), in the English language text, by inserting after the word “orders” the word “notifications.”.

Passed this 12 July 2011
[P.U. Sel. AGM. 0100/2 Jld. 3]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Clerk of the Legislative Assembly
Selangor

